



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI ATAS TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 299

AKTA PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN 1957

Sebagaimana pada 1 Mei 2013

Teks ini HANYA TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara, bagi Birth and Deaths Registration Act 1957. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sah di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

**AKTA PENDAFTARAN KELAHIRAN
DAN KEMATIAN 1957**

Pertama kali diperbuat	1957 (Ordinan No. 61 tahun 1957)
Disemak	1983 (Akta 299 m.b.p 19 Januari 1984)

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 299****AKTA PENDAFTARAN KELAHIRAN
DAN KEMATIAN 1957**

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I**PERMULAAN**

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Pelantikan pegawai
4. Peruntukan dan penyelenggaraan daftar
- 4A. Jika rekod hilang, pendaftaran semula dibenarkan
5. Laporan tahunan
6. Daftar tidak dibuka untuk pemeriksaan awam

BAHAGIAN II**PENDAFTARAN KELAHIRAN**

7. Butir-butir kelahiran hendaklah didaftarkan
8. Maklumat berkenaan dengan kelahiran hendaklah diberi kepada Pendaftar dalam tempoh empat belas hari
9. Maklumat berkenaan dengan perjumpaan kanak-kanak baharu lahir hendaklah diberi kepada Pendaftar dalam tempoh empat belas hari
10. Peruntukan khas mengenai pendaftaran lahir mati
11. Penangguhan pendaftaran
12. Kuasa Pendaftar Besar dikehendaki bagi pendaftaran lewat
13. Peruntukan mengenai bapa kepada anak tidak sah taraf

Seksyen

- 13A. Nama keluarga kanak-kanak
14. Perakuan kelahiran
15. Pendaftaran nama kanak-kanak atau mengenai pengubahan nama
16. Pendaftaran nama yang tidak disukai atau diingini
17. Pendaftaran semula kelahiran orang yang disahatarafkan

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN KEMATIAN

18. Butir-butir kematian hendaklah didaftarkan
19. Maklumat mengenai kematian
20. Penangguhan pendaftaran
21. Kuasa Pendaftar Besar dikehendaki bagi pendaftaran lewat
22. Tugas pengamal perubatan mengenai perakuan
23. Bila pemeriksaan *post-mortem* diadakan
24. Tugas Koroner atau Majistret yang mengadakan siasatan untuk mengemukakan salinan dapatan itu
25. Perakuan kematian

BAHAGIAN IV

AM

26. Daftar hendaklah dikemukakan kepada Penguasa Pendaftar dan Pendaftar Besar
27. Pembetulan kesilapan dan pengubahan dalam daftar
28. Tugas Penguasa Pendaftar dan Pendaftar untuk mendapat pendaftaran
29. (*Dipotong*)

Carian dan Perakuan

30. Indeks
31. Carian
32. Pengeluaran Perakuan Kelahiran dan Perakuan Kematian

Seksyen

33. Catatan dalam daftar sebagai keterangan bagi kelahiran atau kematian

Kesalahan

34. Kesalahan berhubungan dengan daftar
35. Penalti kerana gagal memberi maklumat, dsb.
36. Penalti bagi maklumat palsu, catatan palsu, atau kerosakan catatan
- 36A. Pekhidmat awam
37. Kuasa bagi pendakwaan
- 37A. Pendakwaan
- 37B. Kuasa untuk mengadakan siasatan
38. Kuasa untuk kompaun kesalahan
39. Kaedah-kaedah
40. Menghantar dokumen melalui pos
41. Kecualian, dsb.
42. Pemansuhan

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 299****AKTA PENDAFTARAN KELAHIRAN
DAN KEMATIAN 1957**

Suatu Akta berhubungan dengan pendaftaran kelahiran dan kematian.

[1 Ogos 1958]

BAHAGIAN I**PERMULAAN****Tajuk ringkas dan pemakaian**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957.

(2) Akta ini hendaklah terpakai bagi Semenanjung Malaysia sahaja.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bidan berdaftar” ertinya mana-mana orang yang didaftarkan dengan sempurnanya sebagai bidan di bawah mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa berhubungan dengan pendaftaran bidan;

“daftar” ertinya apa-apa daftar yang dikehendaki disimpan di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini dan termasuklah—

(a) mana-mana daftar kelahiran dan kematian yang disimpan atau dikehendaki dikekalkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang dimansuhkan oleh Akta ini;

- (b) semua dokumen yang merekodkan butir-butir kelahiran dan kematian dan buku-buku rekod yang dikumpul darinya yang ada apabila mula berkuat kuasanya Akta ini dan dalam penjagaan Pendaftar Besar atau mana-mana pegawai awam lain;
- (c) mana-mana daftar baharu yang dikekalkan catatannya semula di bawah subseksyen 4(3); dan
- (d) mana-mana mikrofilem atau pita komputer yang dibuat menurut subseksyen 4(4);

“indeks” ertinya indeks bagi catatan dalam daftar;

“institusi awam” termasuklah penjara, lokap, hospital kesihatan jiwa, hospital dan mana-mana institusi awam atau khairat yang lain;

“kawasan pendaftaran” ertinya kawasan yang baginya Pendaftar dilantik dan apabila digunakan dengan merujuk kepada Penguasa Pendaftaran ertinya kawasan pendaftaran yang baginya Penguasa Pendaftaran tersebut dilantik;

“kelahiran mati” dan “lahir mati” hendaklah terpakai bagi mana-mana bayi yang telah dilahirkan oleh ibunya selepas minggu kedua puluh lapan kehamilan itu dan yang pada bila-bila masa selepas dilahirkan seluruhnya oleh ibunya tidak bernafas atau menunjukkan apa-apa tanda bernyawa yang lain;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Kelahiran dan Kematian yang dilantik di bawah Akta ini dan apabila digunakan berhubung dengan mana-mana kelahiran atau kematian ertinya Pendaftar yang menjadi kewajipannya mendaftarkan butir-butir kelahiran atau kematian itu;

“Pendaftar Besar” ertinya Pendaftar Besar Kelahiran dan Kematian yang dilantik di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini;

“penduduk” termasuk penjaga, pengetua, matron, penguasa atau ketua pegawai yang lain sesuatu institusi awam, dan, jika sesuatu rumah itu disewa secara pangsa atau lojing yang berasingan, termasuklah mana-mana orang yang tinggal dalam rumah itu yang mana pangsa atau lojing yang berasingan tersebut adalah dipegang secara langsung oleh orang itu atau ejennya;

“pengamal perubatan berdaftar” mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*];

“Penguasa Pendaftar” ertinya Penguasa Pendaftar Kelahiran dan Kematian yang dilantik di bawah Akta ini dan apabila digunakan berhubungan dengan mana-mana Pendaftar ertinya Penguasa Pendaftar bagi kawasan di mana kawasan pendaftaran Pendaftar tersebut terletak;

“Perakuan Kelahiran” ertinya perakuan yang dikeluarkan menurut seksyen 14 atau subseksyen 32(1);

“Perakuan Kematian” ertinya perakuan yang dikeluarkan menurut seksyen 25 atau subseksyen 32(1);

“rumah” termasuklah institusi awam;

“saudara” termasuklah saudara melalui perkahwinan;

“Semenanjung Malaysia” mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam seksyen 3 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*], dan termasuk Wilayah Persekutuan.

Pelantikan pegawai

3. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh melantik seorang pegawai awam menjadi Pendaftar Besar Kelahiran dan Kematian bagi Malaysia, yang hendaklah bertanggungjawab melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini dan mempunyai kawalan dan penyeliaan am ke atas semua daftar dan semua indeks dan ke atas semua perkara yang dilakukan atau dilaksanakan di bawah Akta ini.

(1A) Yang di-Pertuan Agong boleh melantik seorang pegawai awam menjadi Timbalan Pendaftar Besar Kelahiran dan Kematian bagi Malaysia, yang, tertakluk kepada apa-apa arahan am atau khusus daripada Pendaftar Besar, boleh menjalankan mana-mana daripada kuasa-kuasa Pendaftar Besar di bawah Akta ini, dan yang hendaklah, semasa ketiadaan Pendaftar Besar atau jika diarah olehnya sedemikian, melaksanakan kewajipan dan fungsi Pendaftar Besar tersebut.

(1B) Yang di-Pertuan Agong boleh melantik seorang pegawai awam menjadi Penolong Pendaftar Besar Kelahiran dan Kematian bagi Semenanjung Malaysia, yang, tertakluk kepada apa-apa arahan am atau khusus dari Pendaftar Besar, boleh menjalankan mana-mana daripada kuasa Pendaftar Besar di bawah subseksyen 4(3), seksyen 4A, 5, subseksyen 12(1), seksyen 15, 16, 17, 21, 27, subseksyen 32(3), 32(4), perenggan 33(2)(b), seksyen 37B dan 38 Akta ini dan semua kuasa di bawah Akta ini yang diberi kepada Penguasa Pendaftar atau Pendaftar-Pendaftar.

(2) Pendaftar Besar boleh melantik—

- (a) seorang atau lebih pegawai awam sebagaimana yang dia fikirkan perlu melalui nama atau jawatan untuk menjadi Penguasa Pendaftar Kelahiran dan Kematian bagi tiap-tiap kawasan pendaftaran;
- (b) seorang atau lebih, sama ada pegawai awam atau tidak, melalui nama atau jawatan untuk menjadi Pendaftar Kelahiran dan Kematian bagi tiap-tiap kawasan pendaftaran; dan
- (c) pegawai-pegawai lain sedemikian sebagaimana dia fikirkan perlu bagi tujuan melaksanakan berbagai tugas yang ditetapkan oleh Akta ini:

Dengan syarat bahawa kuasa yang diberikan di bawah subseksyen ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 1958.

(3) Pendaftar Besar boleh menjalankan kuasa mana-mana Penguasa Pendaftar atau mana-mana Pendaftar dan seorang Penguasa Pendaftar boleh menjalankan kuasa mana-mana Pendaftar dalam kawasan pendaftaran Penguasa Pendaftar tersebut.

(4) Pendaftar Besar boleh mewakilkan secara bertulis yang ditandatangani mana-mana kuasanya di bawah Akta ini (kecuali kuasa perwakilan ini) kepada mana-mana Penguasa Pendaftar atau mana-mana pegawai yang dilantik di bawah perenggan (2)(c) tertakluk kepada apa-apa syarat dan had sebagaimana yang dia boleh tentukan dalam surat cara perwakilan itu:

Dengan syarat bahawa Pendaftar besar boleh menjalankan apa-apa kuasa di bawah Akta ini, tanpa mengira apa-apa perwakilan olehnya di bawah seksyen ini.

Peruntukan dan penyenggaraan daftar

4. (1) Pendaftar Besar hendaklah menyebabkan untuk memperuntukkan dan menyenggarakan bilangan daftar yang mencukupi dalam borang yang ditetapkan bagi merekodkan bilangan kelahiran dan kematian.

(2) Daftar tersebut hendaklah disimpan dalam pendua. Satu salinan hendaklah disimpan oleh Pendaftar Besar dan salinan kedua hendaklah disimpan oleh Penguasa Pendaftar bagi kawasan yang mana daftar itu berhubungan.

(3) Pendaftar Besar boleh menyebabkan catatan-catatan pada mana-mana daftar yang didapati rosak, cacat atau yang tidak dapat dibaca dipindahkan kepada daftar baharu.

(4) Pendaftar Besar boleh—

(a) menyebabkan mana-mana atau semua daftar digambarfotokan atas mikrofilem; atau

(b) menyebabkan butir-butir di dalam mana-mana atau semua daftar direkodkan atas pita komputer,

tertakluk kepada apa-apa tindakan berjaga-jaga sebagaimana yang disifatkannya perlu bagi kepentingan keselamatan dan privasi terhadap maklumat yang terkandung di dalamnya.

Jika rekod hilang, pendaftaran semula dibenarkan

4A. Jika, dalam hal mengenai mana-mana orang yang kelahirannya telah didaftarkan di Semenanjung Malaysia tetapi rekod pendaftaran tersebut adalah atas apa sebab sekalipun hilang atau musnah dari keterangan yang dikemukakan, Pendaftar Besar berpuas hati mengenai kejadian kelahiran tersebut dan butir-butir lain yang

berhubungan dengannya itu, maka Pendaftar Besar boleh menyebabkan kelahiran tersebut didaftarkan semula.

Laporan tahunan

5. Pendaftar Besar hendaklah, dalam suatu tempoh selepas tamatnya tiap-tiap tahun sebagaimana dari semasa ke semasa yang boleh ditentukan, mengumpul—

- (a) ringkasan kelahiran dan kematian tahun terdahulunya; dan
- (b) laporan am mengenai pertambahan atau kekurangan jumlah penduduk dan atas apa-apa sebab khas yang nampaknya melibatkan pertambahan atau kekurangan tersebut, setakat mana yang ianya boleh difahamkan daripada daftar itu.

Daftar tidak dibuka untuk pemeriksaan awam

6. Daftar dan indeks hendaklah tidak dibuka untuk pemeriksaan orang awam.

BAHAGIAN II

PENDAFTARAN KELAHIRAN

Butir-butir kelahiran hendaklah didaftarkan

7. (1) Tertakluk kepada peruntukan Bahagian ini, kelahiran tiap-tiap kanak-kanak yang lahir di Malaysia hendaklah didaftarkan oleh Pendaftar bagi kawasan pendaftaran di mana kanak-kanak itu dilahirkan dengan mencatatkan ke dalam daftar dalam pendua dengan cara menetapkan butir-butir yang berkenaan dengan kelahiran itu sebagaimana yang ditetapkan; dan daftar yang berlainan hendaklah digunakan dan butir-butir yang berlainan boleh ditetapkan bagi lahir hidup dan lahir mati masing-masingnya;

Dengan syarat bahawa, jika kanak-kanak yang hidup dijumpai terdedah dan tiada maklumat mengenai tempat lahirnya didapati,

maka kelahiran itu hendaklah didaftarkan oleh Pendaftar bagi kawasan pendaftaran di mana kanak-kanak itu dijumpai.

(2) Orang yang berikut adalah layak memberi maklumat berkenaan dengan sesuatu kelahiran, iaitu—

- (a) bapa kanak-kanak itu;
- (b) ibu kanak-kanak itu;
- (c) penduduk rumah di mana kanak-kanak itu pada pengetahuan penduduk itu dilahirkan;
- (d) mana-mana orang yang ada ketika kelahiran itu; dan
- (e) mana-mana orang yang menjaga kanak-kanak itu.

(3) Dalam hal kanak-kanak berketurunan Cina Pendaftar boleh, selepas mencatatkan dalam daftar butir-butir yang ditetapkan mengenai kanak-kanak tersebut, membenarkan pemberitahu yang layak untuk memasukkan dengan cara yang boleh ditetapkan nama kanak-kanak itu dan nama bapanya dan ibu kanak-kanak tersebut dalam tulisan Cina.

Maklumat berkenaan dengan kelahiran hendaklah diberi kepada Pendaftar dalam tempoh empat belas hari

8. Maka hendaklah menjadi tugas tiap-tiap pemberitahu yang layak untuk memberi maklumat yang ditetapkan berkenaan dengan kelahiran itu kepada Pendaftar, sebelum habis tempoh empat belas hari dari tarikh kelahiran itu, dan untuk menandatangani daftar itu di hadapan Pendaftar:

Dengan syarat bahawa pemberian maklumat dan penandatanganan daftar oleh salah seorang pemberitahu yang berkeelayakan hendaklah merupakan sebagai perlepasan apa-apa tugas di bawah seksyen ini oleh setiap pemberitahu yang layak yang lain.

Maklumat berkenaan dengan perjumpaan kanak-kanak baharu lahir hendaklah diberi kepada Pendaftar dalam tempoh empat belas hari

9. Jika mana-mana kanak-kanak baharu lahir yang hidup dijumpai terdedah, maka hendaklah menjadi tugas orang yang menjumpai kanak-kanak itu, dan juga mana-mana orang yang kanak-kanak itu diletakkan di bawah jagaannya untuk memberitahu kepada Pendaftar sepanjang pengetahuannya dan kepercayaannya, sebelum habis tempoh empat belas hari dari tarikh kanak-kanak itu dijumpai, maklumat mengenai butir-butir yang dikehendaki itu untuk didaftarkan berkenaan dengan kelahiran kanak-kanak itu sebagaimana yang dipunyai oleh pemberitahu itu, dan untuk menandatangani daftar itu di hadapan Pendaftar:

Dengan syarat bahawa, pemberian dan penandatanganan daftar itu oleh salah seorang dari orang tersebut hendaklah merupakan sebagai pelepasan apa-apa tugas di bawah seksyen ini oleh mana-mana dari mereka yang lain.

Peruntukan khas mengenai pendaftaran lahir mati

10. Mana-mana pemberitahu yang layak, yang memberikan maklumat kepada Pendaftar mengenai butir-butir yang dikehendaki untuk didaftarkan berkenaan dengan lahir mati hendaklah apabila memberi maklumat itu sama ada—

- (a) menyerah kepada Pendaftar suatu perakuan bertulis yang ditandatangani oleh pengamal perubatan berdaftar atau bidan berdaftar yang telah membuat rawatan semasa kelahiran itu atau yang telah memeriksa tubuh kanak-kanak itu bahawasanya kanak-kanak itu tidak dilahirkan hidup; atau
- (b) membuat suatu perisytiharan dalam borang yang ditetapkan yang bermaksud bahawa tiada pengamal perubatan berdaftar atau bidan berdaftar yang ada semasa kelahiran itu atau telah memeriksa tubuh itu dan bahawa satu perakuan dari pengamal perubatan berdaftar atau bidan berdaftar tidak dapat diperoleh dan kanak-kanak itu tidak dilahirkan hidup.

Penangguhan pendaftaran

11. (1) Jika selepas habis tempoh empat belas hari dan sebelum hari yang ke empat puluh tiga dari tarikh kelahiran atau kelahiran mati seseorang kanak-kanak permohonan dibuat untuk mendaftarkan butir-butir kelahiran tersebut, Pendaftar boleh dengan pembayaran fi yang ditetapkan bagi pendaftaran yang tertangguh, mendaftarkan butir-butir yang ditetapkan itu.

(2) Maklumat berkenaan dengan kanak-kanak baharu lahir yang hidup yang dijumpai terdedah hendaklah diberikan semasa tempoh yang disebut dalam subseksyen (1) di atas didaftarkan oleh Pendaftar tanpa mengenakan fi.

Kuasa Pendaftar Besar dikehendaki bagi pendaftaran lewat

12. (1) Jika, selepas habis tempoh empat puluh dua hari dari tarikh kelahiran mana-mana kanak-kanak atau dari tarikh apabila mana-mana kanak-kanak baharu lahir yang hidup dijumpai terdedah, kelahiran kanak-kanak itu telah tidak didaftarkan, kelahiran itu tidak boleh didaftarkan kecuali dengan kuasa bertulis dari Pendaftar Besar dan dengan cara tertentu dan dengan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang boleh ditetapkan bagi pendaftaran lewat, dan hakikat bahawa kuasa dari Pendaftar Besar telah diperoleh, hendaklah dicatatkan ke dalam daftar.

(2) Seksyen ini tidak terpakai dalam hal sesuatu kelahiran mati.

Peruntukan mengenai bapa kepada anak tidak sah taraf

13. Walau apa pun yang terkandung dalam peruntukan terdahulu di dalam Akta ini, dalam hal anak tidak sah taraf, tiada seorang pun sebagai bapa kepada kanak-kanak itu dikehendaki memberi maklumat berkenaan dengan kelahiran kanak-kanak itu, dan Pendaftar hendaklah tidak mencatatkan ke dalam daftar nama mana-mana orang sebagai bapa kanak-kanak itu kecuali atas permintaan bersama oleh ibu dan orang yang mengaku dirinya sebagai bapa kanak-kanak itu, dan orang itu hendaklah dalam hal sedemikian menandatangani daftar itu bersama dengan ibu itu.

Nama keluarga kanak-kanak

13A. (1) Nama keluarga, jika ada, yang hendak dicatatkan berkenaan dengan anak sah taraf hendaklah secara biasanya menjadikan nama bapa sebagai nama keluarganya, jika ada.

(2) Nama keluarga, jika ada, yang hendaklah dicatatkan berkenaan dengan anak tidak sah taraf boleh jika ibunya adalah pemberitahu dan secara sukarela memberi maklumat itu, menjadikan nama ibunya sebagai nama keluarganya; dengan syarat bahawa jika orang yang mengaku dirinya menjadi bapa kanak-kanak itu mengikut peruntukan seksyen 13 meminta sedemikian, maka nama keluarga bolehlah diletak atas nama keluarga orang itu.

Perakuan kelahiran

14. Pada masa mendaftar kelahiran mana-mana kanak-kanak, Pendaftar hendaklah memberi kepada pemberitahu suatu Perakuan Kelahiran dalam borang yang ditetapkan dan diperakui sebagaimana dikehendaki oleh subseksyen 32(2).

Pendaftaran nama kanak-kanak atau mengenai perubahan nama

15. (1) Jika sebelum habis tempoh satu tahun dari tarikh kelahiran mana-mana kanak-kanak, nama yang didaftarkan itu telah diubah atau jika kanak-kanak telah didaftarkan tanpa nama, suatu nama telah diberi kepada kanak-kanak itu sebelum dua belas bulan telah berlalu semenjak tarikh kelahiran itu, maka Penguasa Pendaftar yang menjaga daftar di mana kelahiran itu didaftarkan setelah diserahkan kepadanya suatu perakuan dalam borang yang ditetapkan dengan menyatakan nama yang telah diubah itu atau nama yang telah diberi itu dengan ditandatangani oleh bapa atau ibu atau penjaga atau orang yang pada masa itu menjaga kanak-kanak itu dan setelah pembayaran dibuat kepadanya oleh orang yang namanya tercatat dalam perakuan yang hendak dicatatkan itu, suatu fi yang ditentukan, hendaklah seterusnya mencatatkan di dalam daftar tanpa apa-apa pemadaman, ke atasnya catatan asal, nama yang disebut di dalam perakuan sebagai nama yang telah diberikan kepada kanak-kanak itu; dan Penguasa Pendaftar tersebut hendaklah selepas mencatatkan di atas perakuan fakta bahawa catatan telah dibuat, seterusnya menghantar perakuan

itu kepada Pendaftar Besar yang akan menyebabkan catatan bersamaan dibuat dalam daftarnya.

(2) Jika seorang kanak-kanak telah didaftarkan tanpa nama, suatu nama boleh didaftarkan—

(a) dalam hal kanak-kanak yang telah mencapai umur satu tahun tetapi tidak dua puluh satu tahun, dengan menyerahkan kepada Pendaftar Besar suatu perakuan dalam borang yang ditetapkan yang telah ditandatangani oleh bapa atau ibu atau penjaga atau orang yang pada masa itu menjaga kanak-kanak itu dengan menyatakan nama yang telah diberi itu; atau

(b) dalam hal orang yang telah mencapai umur dua puluh satu tahun, dengan menyerah kepada Pendaftar Besar satu perakuan dalam borang yang ditetapkan dengan memberi nama yang dia ingin untuk didaftarkan,

dan dengan membayar kepada Pendaftar Besar apa-apa fi sebagaimana yang boleh ditetapkan.

(3) Pendaftar Besar apabila menerima perakuan tersebut hendaklah mengarahkan Penguasa Pendaftar yang menjaga daftar di mana kelahiran itu didaftarkan untuk seterusnya mencatatkan di dalam daftar itu tanpa apa-apa pemadaman ke atas catatan asal, nama yang disebut di dalam perakuan itu sebagai nama yang telah diberi dan Penguasa Pendaftar itu hendaklah bertindak sebagaimana yang diarahkan itu dan Pendaftar Besar pada masa yang sama hendaklah menyebabkan catatan bersamaan dibuat dalam daftarnya:

Dengan syarat bahawa sebelum memberi arahan di bawah subseksyen ini, Pendaftar Besar hendaklah menghendaki orang yang menyerahkan perakuan itu untuk mengemukakan keterangan yang pada pendapat Pendaftar Besar dapat memuaskan bahawa orang tersebut adalah orang yang didaftarkan tanpa nama.

(4) Jika mana-mana orang memperoleh pengubahan nama atau catatan nama di dalam daftar menurut peruntukan subseksyen (1) atau (2) dan nama yang diubah atau yang diberi itu ditunjukkan di dalam perakuan yang sewajarnya telah pun diserahkan menurut subseksyen itu yang tercatat dalam tulisan Cina dan juga dalam tulisan Rumi, maka Pendaftar Besar boleh membenarkan orang tersebut memasukkan ke dalam daftar dalam tulisan Cina

sebagaimana yang boleh ditetapkan nama yang diubah atau yang diberi itu dalam tulisan Cina.

(5) Peruntukan dalam seksyen ini tidak terpakai kepada bayi lahir mati atau kepada bayi yang telah mati sebelum penyerahan mana-mana perakuan yang disebut dalam seksyen ini.

Pendaftaran nama yang tidak disukai atau diingini

16. Jika pada pendapat Pendaftar bahawa nama kanak-kanak yang diminta untuk dicatatkan ke dalam suatu daftar kelahiran itu adalah tidak menyenangkan atau tidak diingini, dia hendaklah merujuk perkara itu kepada Pendaftar Besar dan Pendaftar Besar boleh menyebabkan nama itu didaftarkan atau tidak didaftarkan sebagaimana yang difikirkannya patut.

Pendaftaran semula kelahiran orang yang disahtarafkan

17. (1) Jika, dalam hal mana-mana orang yang kelahirannya telah didaftarkan di Malaysia, keterangan dikemukakan kepada Pendaftar Besar yang pada pendapatnya memuaskan bahawa orang itu telah disahtarafkan dalam erti Akta Kesahtarafan 1961 [*Akta 60*] maka Pendaftar Besar boleh membenarkan pada bila-bila masa pendaftaran semula kelahiran orang itu, dan pendaftaran semula hendaklah dilaksanakan dengan cara sedemikian dan di tempat yang sebagaimana yang boleh ditetapkan:

Dengan syarat bahawa, kecuali jika—

- (a) nama orang yang mengaku dirinya sebagai bapa kepada orang yang disahtarafkan itu telah dicatatkan di dalam daftar menurut seksyen 13 Akta ini; atau
- (b) kebapaan orang yang disahtarafkan itu telah ditetapkan oleh perintah penyenggaraan yang dibuat di bawah Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Nafkah) 1950 [*Akta 263*], atau selainnya dengan dekri oleh Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten,

maka Pendaftar Besar hendaklah tidak membenarkan pendaftaran semula melainkan jika maklumat mengenai tujuan untuk mendapatkan yang sama telah disediakan oleh kedua-dua ibu bapa.

(2) Jika Pendaftar Besar mempercayai mana-mana orang yang akan menjadi orang yang disahtarafkan dalam erti Akta Kesahtarafan 1961 dengan perkahwinan ibu bapanya, dan ibu bapa atau salah seorang daripada mereka gagal untuk memberikan maklumat sedemikian, jika ada, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh perkahwinan itu sebagaimana yang perlu untuk membolehkan Pendaftar Besar untuk membenarkan pendaftaran kelahiran orang itu, maka Pendaftar Besar boleh pada bila-bila masa selepas habis tempoh tersebut dengan notis yang ditandatangani menghendaki ibu bapa atau salah seorang dari mereka untuk memberinya maklumat sedemikian yang berkenaan dengan perkara sebagaimana difikirkannya perlu, menentusahkan dengan cara sebagaimana yang diarahkannya, dan bagi maksud itu untuk hadir sendiri sama ada di Pejabat Pendaftar atau di mana-mana tempat lain yang ditentukannya dalam tempoh masa tidak kurang dari tujuh hari selepas penerimaan notis itu, sebagaimana yang ditetapkan di dalamnya.

(3) Tiada fi bagi pendaftaran semula di bawah seksyen ini boleh dicajkan jika maklumat sebagaimana yang perlu bagi maksud itu diberikan sebelum habis tempoh tiga bulan tersebut; tetapi dalam sesuatu hal lain, hendaklah dicajkan berkenaan dengan pendaftaran semula fi itu sebagaimana ditetapkan.

(4) Seksyen ini hendaklah dipakai dengan ubah suaian sebagaimana yang boleh ditetapkan berkaitan dengan kelahiran di laut atau dalam pesawat udara.

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN KEMATIAN

Butir-butir kematian hendaklah didaftarkan

18. Tertakluk kepada peruntukan Bahagian ini, kematian tiap-tiap orang yang mati di Malaysia dan sebabnya hendaklah didaftarkan oleh Pendaftar bagi kawasan pendaftaran di mana kematian itu berlaku dengan mencatatkan di dalam daftar dalam pendua dengan cara menetapkan butir-butir yang berkenaan dengan kematian sebagaimana yang boleh ditetapkan:

Dengan syarat bahawa jika mayat dijumpai dan tiada maklumat mengenai tempat kematian diperolehi, maka kematian itu hendaklah

didaftarkan oleh Pendaftar bagi kawasan pendaftaran di mana mayat itu dijumpai.

Maklumat mengenai kematian

19. (1) Orang yang berikut adalah layak untuk memberi maklumat berkenaan dengan kematian, iaitu—

- (a) mana-mana saudara si mati yang ada pada masa kematian itu atau merawatinya semasa sakitnya yang terakhir;
- (b) mana-mana saudara lain si mati yang bermastautin atau berada dalam kawasan pendaftaran di mana kematian itu berlaku;
- (c) mana-mana orang yang ada pada masa kematian;
- (d) penduduk rumah itu jika dia mengetahui tentang kejadian kematian itu;
- (e) mana-mana orang yang tinggal di rumah itu yang mengetahui tentang kejadian kematian itu;
- (f) mana-mana orang yang menjumpai atau yang menjaga mayat itu; dan
- (g) orang yang menyebabkan pengurusan mayat itu.

(2) Maka hendaklah menjadi kewajipan—

- (a) saudara sebagaimana disebut dalam perenggan (1)(a) seksyen ini; dan
- (b) jika tiada saudara sedemikian, maka tiap-tiap saudara sebagaimana disebut dalam perenggan (1)(b) seksyen ini; dan
- (c) jika tiada saudara sedemikian, maka tiap-tiap orang sedemikian sebagaimana disebut dalam perenggan (1)(c) atau (d) seksyen ini; dan
- (d) jika tiada saudara atau orang yang sedemikian sebagaimana disebut di atas, maka tiap-tiap orang sedemikian sebagaimana disebut dalam perenggan (1)(e), (f) atau (g) seksyen ini,

untuk memberi kepada Pendaftar, sebelum habis tempoh dua belas jam (tidak termasuk masa yang perlu bagi perjalanan dan apa-apa masa-masa kegelapan yang berjeda) dari masa kematian itu, maklumat sepanjang pengetahuannya dan kepercayaannya mengenai butir-butir yang dikehendaki untuk didaftarkan berkenaan dengan kematian itu, dan di hadapan Pendaftar untuk menandatangani daftar itu:

Dengan syarat bahawa—

- (i) pemberian maklumat itu dan penandatanganan daftar oleh salah seorang daripada pemberitahu yang layak hendaklah merupakan sebagai perlepasan apa-apa tugas di bawah subseksyen ini mengenai tiap-tiap pemberitahu yang lain; dan
- (ii) subseksyen ini hendaklah tidak mempunyai kuat kuasa jika inkues atau siasatan kematian diadakan terhadap mayat atau mengenai kematian orang yang mati itu.

Penangguhan pendaftaran

20. Jika tiada permohonan bagi pendaftaran di bawah bahagian ini telah diterima dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam seksyen 19 dan permohonan untuk mendaftarkan kematian seseorang itu dibuat dalam tempoh tiga hari yang berikutnya, maka Pendaftar boleh setelah pembayaran fi yang ditetapkan bagi penangguhan pendaftaran dibuat, mendaftarkan butir-butir tersebut.

Kuasa Pendaftar Besar dikehendaki bagi pendaftaran lewat

21. Selepas habis tempoh tiga hari dari tarikh kematian itu atau tarikh mayat mana-mana orang dijumpai atau tempoh yang ditetapkan dalam seksyen 20 yang mana yang lebih lama, maka kematian orang itu tidak boleh didaftarkan kecuali dengan kebenaran bertulis dari Pendaftar Besar dan dengan cara sedemikian dan tertakluk kepada syarat sebagaimana yang ditetapkan bagi pendaftaran lewat dan hakikat bahawa kebenaran Pendaftar Besar telah diperoleh, hendaklah dicatatkan di dalam daftar.

Tugas pengamal perubatan mengenai perakuan

22. (1) Tiap-tiap pengamal perubatan berdaftar, atas kematian mana-mana orang yang semasa penyakit terakhirnya dirawat oleh pengamal perubatan itu, hendaklah menandatangani dan menyerahkannya dalam tempoh dua belas jam kematian itu kepada seorang daripada orang yang dikehendaki oleh Akta ini untuk memberikan butir-butir kematian itu atau kepada Pendaftar satu perakuan dalam borang yang ditetapkan.

(2) Orang tersebut apabila memberi butir-butir kematian itu, hendaklah menyerahkan perakuan itu kepada Pendaftar dan sebab kematian sebagaimana dinyatakan dalam perakuan itu hendaklah dicatatkan ke dalam daftar bersama dengan nama pengamal perubatan yang memperakukannya.

(3) Dalam hal di mana suatu perakuan di bawah subseksyen (1) di atas memperakui bahawa sebab kematian seseorang adalah akibat daripada wabak, taun, cacar atau apa-apa penyakit yang berkehendakkan supaya ia diberitahu kepada negara asing sebagai penyakit bahaya yang berjangkit di bawah mana-mana konvensyen mengenai penyakit-penyakit bahaya yang berjangkit yang pada masa itu berkuat kuasa, yang tidak diketahui pada masa itu merupakan suatu yang lazim di kawasan di mana si mati itu meninggal dunia, maka Pendaftar, jika ada tidak berpuas hati mengenai ketepatan diagnosis itu, boleh enggan untuk bertindak terhadap perakuan itu dan enggan untuk mendaftarkan sebab kematian sehinggalah hal keadaan kematian tersebut telah dilaporkan dengan serta-merta kepada Penguasa Pendaftar dan Pegawai Kesihatan kawasan di mana si mati itu meninggal dunia, dan pendapat yang selanjutnya serta pendapat lain mengenai sebab kematian sedemikian yang dikehendaki oleh Pendaftar telah diberikan.

Bila pemeriksaan *post-mortem* diadakan

23. Apabila seorang pengamal perubatan yang berdaftar telah melakukan pemeriksaan *post-mortem* ke atas tubuh mana-mana orang, pengamal perubatan berdaftar itu hendaklah, melainkan jika dia mengetahui bahawa Koroner atau Majistret bercadang untuk mengadakan suatu inkues atau siasatan berkenaan dengan kematian itu, dalam tempoh dua puluh empat jam selepas tamatnya

pemeriksaan itu, mengemukakan perakuan dalam borang yang ditetapkan kepada Pendaftar, dan sebab kematian sebagaimana yang dinyatakan dalam perakuan itu, bersama-sama dengan nama pengamal perubatan yang memperakukan perakuan itu, hendaklah dicatatkan ke dalam daftar.

Tugas Koroner atau Majistret yang mengadakan siasatan untuk mengemukakan salinan dapatan itu

24. Apabila suatu inkues atau siasatan diadakan mengenai kematian mana-mana orang, Koroner atau Majistret, yang mengadakan inkues atau siasatan tersebut, hendaklah dalam tempoh dua puluh empat jam selepas ianya tamat, mengemukakan kepada Penguasa Pendaftar bagi kawasan pendaftaran di mana kematian itu terjadi atau tubuh orang itu dijumpai, suatu perakuan yang menyatakan sebab kematian sebagaimana yang ditentukan di dalam siasatan itu, dan butir-butir lain sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud pendaftaran, dan sebab kematian yang dizahirkan dalam perakuan itu hendaklah dicatatkan ke dalam daftar itu.

Perakuan kematian

25. Pendaftar, apabila mendaftarkan mana-mana kematian, hendaklah seterusnya memberikan kepada orang yang memberi maklumat berkenaan dengan kematian itu satu Perakuan Kematian.

BAHAGIAN IV

AM

Daftar hendaklah dikemukakan kepada Penguasa Pendaftar dan Pendaftar Besar

26. (1) Tiap-tiap Pendaftar hendaklah pada masa sebagaimana yang ditetapkan oleh Pendaftar Besar menyerahkan kepada Penguasa Pendaftar semua catatan yang telah lengkap yang dibuat di dalam daftar yang disimpan olehnya.

(2) Tiap-tiap Penguasa Pendaftar hendaklah pada masa tersebut dan dengan cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Pendaftar Besar

menyerahkan kepada Pendaftar Besar satu daripada tiap-tiap catatan yang telah lengkap yang diserahkan kepadanya di bawah subseksyen (1) di atas.

Pembetulan kesilapan dan perubahan dalam daftar

27. (1) Tiada perubahan dalam mana-mana daftar boleh dibuat kecuali dibenarkan oleh Akta ini.

(2) Apa-apa silap tulis menulis yang mungkin dari semasa ke semasa ditemui dalam mana-mana daftar boleh diperbetulkan oleh Penguasa Pendaftar, dengan cara sedemikian sebagaimana diarah oleh Pendaftar Besar.

(3) Apa-apa kesilapan fakta atau bahan dalam mana-mana daftar boleh diperbetulkan dengan catatan (tanpa apa-apa perubahan kepada catatan asal itu) oleh Pendaftar Besar dengan pembayaran fi yang ditetapkan dan dengan mengemukakan suatu akuan berkanun oleh orang yang berkehendakkan kesilapan itu diperbetulkan dengan menyatakan sifat kesilapan itu dan fakta sebenar hal itu, dan dibuat oleh dua orang yang dikehendaki oleh Akta ini untuk memberi maklumat berhubungan dengan kelahiran, kelahiran mati atau kematian berkenaan mana kesilapan itu telah dibuat, atau atas kegagalan orang tersebut oleh dua orang yang boleh dipercayai yang mempunyai pengetahuan yang memuaskan Pendaftar Besar mengenai kebenaran hal itu; dan Pendaftar Besar boleh jika berpuas hati mengenai fakta yang dinyatakan dalam akuan berkanun itu menyebabkan catatan itu diperakui dan hari dan bulan dan tahun pembetulan itu dilakukan hendaklah ditambah ke dalamnya.

(4) Jika kesilapan fakta atau bahan didapati dalam maklumat yang dikemukakan oleh seorang Koroner atau Majistret di bawah seksyen 24, maka Koroner atau Majistret itu, jika berpuas hati bahawa kesilapan itu wujud, boleh memperakui di bawah tandatangannya kepada Penguasa Pendaftar yang berkenaan mengenai sifat kesilapan itu dan fakta sebenar hal itu sebagaimana yang ditentukan olehnya, dan kesilapan itu bolehlah selepas itu dibetulkan (tanpa apa-apa perubahan kepada catatan asal itu) oleh Penguasa Pendaftar tersebut, yang akan meletakkan tandatangannya di sebelah catatan itu di mana kesilapan itu berlaku dan hendaklah menambah kepadanya hari dan bulan dan tahun pembetulan itu di buat.

(5) Walau apa pun peruntukan terdahulu seksyen ini, dalam mana-mana hal—

(a) jika apa-apa catatan telah dibuat dalam mana-mana daftar yang menggunakan tarikh atau nama tempat dalam bahasa Jepun atau Thai, maka Pendaftar Besar atau Penguasa Pendaftaran yang menjaga daftar itu boleh membetulkan tarikh atau nama tempat itu (tanpa apa-apa pengubahan kepada catatan asal itu) supaya selaras dengan kalendar British atau nama tempat yang digunakan sebelum pendudukan Jepun atau Thai dan hendaklah menandatangani apa-apa pembetulan apabila dibuat; dan

(b) jika mana-mana catatan dalam sesuatu daftar adalah dalam apa-apa bahasa selain bahasa Inggeris, maka Pendaftar Besar atau Penguasa Pendaftaran yang menjaga daftar itu boleh menambah (tanpa apa-apa pengubahan kepada catatan asal itu) suatu terjemahan ke atas catatan tersebut dalam bahasa Inggeris atau transkripsi catatan tersebut dalam skrip Rumi dengan cara sebagaimana yang diarah oleh Pendaftar Besar.

(6) Jika seseorang pegawai yang menjaga daftar membuat catatan ke dalamnya menurut peruntukan seksyen ini, dia hendaklah seterusnya mengemukakan kepada pegawai yang menjaga salinan pendua daftar, suatu perakuan dalam borang yang ditetapkan dengan menyenaraikan butir-butir catatan dan pegawai yang menjaga salinan pendua tersebut hendaklah membuat catatan yang bersamaan ke dalamnya.

Tugas Penguasa Pendaftaran dan Pendaftaran untuk mendapat pendaftaran

28. (1) Walau pun terdapat apa-apa ketinggalan untuk melaporkan atau mengemukakan maklumat mengenai mana-mana kelahiran, kelahiran mati atau kematian dalam tempoh masa yang dikehendaki oleh peruntukan terdahulu Akta ini, maka hendaklah menjadi tugas Penguasa Pendaftaran dan Pendaftaran untuk mendapatkan dengan segala cara yang ada dalam kuasa mereka, maklumat yang paling baik dan tepat mengenai mana-mana kelahiran, kelahiran mati, atau kematian

yang mungkin berlaku dalam kawasan pendaftaran mereka dan untuk menyebabkan butir-butir yang bersamaan direkodkan (setakat mana yang praktik) dalam cara yang ditetapkan.

(2) Maka hendaklah menjadi tugas tiap-tiap pegawai polis, penghulu dan ketua kampung untuk mendapat maklumat mengenai tiap-tiap kelahiran, kelahiran mati dan kematian dalam kawasan masing-masing dan juga maklumat mengenai ibu dan bapa yang sah bagi tiap-tiap kanak-kanak yang dilahirkan dalam kawasannya dan mengenai penduduk mana-mana rumah dalam kawasannya di mana sesuatu kelahiran, kelahiran mati atau kematian mungkin telah berlaku dan untuk memberi notis mengenainya kepada Pendaftar.

(3) Mana-mana pegawai polis, penghulu atau ketua kampung yang mempunyai dalam miliknya apa-apa maklumat tersebut dan dengan sengaja mengaibkan atau gagal untuk memberitahunya kepada Pendaftar adalah bersalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima puluh ringgit.

29. (*Dipotong oleh Ord. 6/1958*).

Carian dan Perakuan

Indeks

30. (1) Maka hendaklah disediakan dalam pendua dengan cara yang ditetapkan indeks mengenai tiap-tiap catatan yang dibuat di dalam daftar selepas mula berkuat kuasanya Akta ini. Satu salinan indeks hendaklah disimpan oleh Pendaftar Besar dan salinan yang lagi satu itu hendaklah disimpan oleh Penguasa Pendaftar yang berkenaan.

(2) Indeks catatan yang sedia ada dalam daftar hendaklah setakat yang boleh dipraktikkan disediakan dalam cara sebagaimana yang boleh ditetapkan atau sebagaimana yang diarahkan oleh Pendaftar Besar.

Carian

31. Tertakluk kepada peruntukan seksyen 32 mana-mana orang boleh membuat permohonan dalam borang yang ditetapkan untuk membuat suatu carian dalam indeks atau dalam daftar dengan membuat pembayaran fi yang ditetapkan dan untuk mendapatkan keputusan carian itu diperakukan di dalam borang yang ditetapkan.

Pengeluaran Perakuan Kelahiran dan Perakuan Kematian

32. (1) Mana-mana orang boleh memohon daripada Penguasa Pendaftar di dalam borang yang ditetapkan suatu Perakuan Kelahiran atau Perakuan Kematian berkenaan dengan mana-mana catatan dalam daftar dengan membuat pembayaran fi sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Tiap-tiap Perakuan Kelahiran atau Perakuan Kematian hendaklah diperakui di bawah tandatangan Pendaftar atau Pendaftar Besar atau Penguasa Pendaftar yang menjaga daftar itu.

(3) Peruntukan seksyen 31 dan seksyen ini tidak terpakai kepada Perakuan Kelahiran berkaitan dengan catatan dalam daftar kelahiran mati tetapi Pendaftar Besar boleh, jika difikirkannya patut dalam mana-mana hal tertentu dan dengan pembayaran fi yang diperuntukkan seperti di atas, menyebabkan suatu carian dibuat dan membenarkan mana-mana orang untuk mendapatkan Perakuan Kelahiran berkenaan dengan mana-mana catatan dalam daftar kelahiran mati itu.

(4) Apabila mana-mana permohonan bagi mendapatkan Perakuan Kelahiran atau Perakuan Kematian dibuat menurut subseksyen (1), maka Penguasa Pendaftar hendaklah mengeluarkannya melainkan jika—

- (a) butir-butir yang diberi dalam borang permohonan adalah tidak lengkap atau tidak mencukupi atau pada pendapatnya tidak tepat; atau
- (b) atas apa-apa sebab yang dia berpendapat bahawa sesuatu catatan yang didapati selepas carian tidak boleh, dengan kepastian, dikaitkan dengan orang yang pendaftaran kelahiran atau kematiannya, perakuan tersebut dipohon.

(5) Apabila Penguasa Pendaftar enggan untuk memberikan Perakuan Kelahiran atau Perakuan Kematian di bawah seksyen ini, maka pemohon boleh secara bertulis merayu kepada Pendaftar Besar, yang keputusannya adalah muktamad.

Catatan dalam daftar sebagai keterangan bagi kelahiran atau kematian

33. (1) Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini suatu catatan atau suatu Perakuan Kelahiran atau Perakuan kematian yang berkaitan dengannya yang dikatakan telah diperakui dengan sewajarnya di bawah subseksyen 32(2) hendaklah diterima tanpa bukti selanjutnya atau bukti lain sebagai keterangan fakta dan butir-butir yang berhubungan dengan kelahiran atau kematian itu sebagaimana pada masa catatan itu dibuat seperti mana yang dikehendaki oleh undang-undang untuk dinyatakan dalam catatan atau perakuan tersebut.

(2) Suatu catatan di dalam daftar atau Perakuan Kelahiran atau Perakuan Kematian yang berhubungan dengannya, tidak boleh diterima sebagai keterangan di bawah seksyen ini melainkan jika—

- (a) catatan yang dikatakan telah ditandatangani oleh beberapa orang yang mengaku sebagai pemberitahu dan selagi menjadi orang yang sebagaimana dikehendaki oleh undang-undang pada tarikh catatan itu untuk memberi kepada Pendaftar maklumat berhubungan dengan kelahiran atau kematian tersebut; atau
- (b) catatan itu adalah suatu catatan kelahiran yang ditandatangani oleh orang yang mengaku sebagai Penguasa Pendaftar, atau yang dikatakan telah dibuat dengan kebenaran Pendaftar Besar; atau
- (c) catatan itu adalah suatu catatan kematian yang dikatakan telah dibuat berdasarkan pada suatu perakuan daripada seorang Koroner atau Majistret; atau
- (d) catatan itu dikatakan telah dibuat menurut mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pendaftaran kelahiran dan kematian di laut atau di atas pesawat udara; atau

(e) catatan itu adalah—

- (i) suatu catatan di dalam mana-mana daftar, buku rekod atau dokumen yang merekodkan butir-butir kelahiran dan kematian yang telah disimpan atau dilindungi di bawah atau menurut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang dahulu yang berhubungan dengan pendaftaran kelahiran dan kematian; dan
- (ii) catatan tersebut atau salinan catatan yang diperakui akan dengan serta-merta sebelum mula berkuat kuasanya Akta ini yang telah diterima sebagai keterangan fakta atau butir-butir berkenaan dengan catatan atau salinan yang diperakukan itu dikemukakan sebagai keterangan.

(3) Bagi maksud seksyen ini suatu Perakuan Kelahiran atau Perakuan Kematian hendaklah disifatkan sebagai salinan yang diperakukan jika ianya dikatakan telah diperakui menurut subseksyen 32(2) walaupun ianya mungkin—

(a) dihasilkan daripada salinan gambar foto; atau

(b) suatu petikan maklumat yang terkandung di dalam daftar dalam borang yang ditetapkan yang mana borang itu mungkin berlainan daripada borang dalam mana catatan asal telah dibuat.

Kesalahan

Kesalahan berhubungan dengan daftar

34. Mana-mana orang yang—

- (a) sebagai Pendaftar, enggan atau tanpa sebab yang munasabah gagal mendaftarkan mana-mana kelahiran atau kematian atau butir-butir mengenai maklumat yang mana telah diberikan kepadanya oleh pemberitahu yang layak

dan yang mana dia dikehendaki oleh atau di bawah Akta ini untuk mendaftarkannya; atau

- (b) sebagai seorang yang menjaga mana-mana daftar dengan cuai menghilangkan atau merosakkan daftar itu atau membenarkan daftar itu dirosakkan,

boleh didenda sebanyak lima ratus ringgit.

Penalti kerana gagal memberi maklumat, dsb.

35. Mana-mana orang yang—

- (a) dikehendaki oleh atau di bawah Akta ini untuk memberi maklumat mengenai mana-mana kelahiran atau kematian atau mana-mana kanak-kanak baharu lahir yang masih hidup atau mana-mana mayat, dengan sengaja enggan menjawab apa-apa soalan yang dikemukakan kepadanya oleh Pendaftar berhubungan dengan butir-butir yang dikehendaki untuk didaftarkan berkenaan dengan kelahiran atau kematian itu, atau melainkan diperuntukkan dalam Akta ini, gagal untuk mematuhi mana-mana kehendak yang dibuat di bawahnya oleh Pendaftar;
- (b) enggan atau gagal tanpa alasan yang munasabah memberi, menyerah hantar atau menghantar mana-mana perakuan yang dia dikehendaki oleh Akta ini untuk memberi, menyerah hantar atau menghantar;
- (c) sebagai seorang yang kepadanya dikenakan tugas oleh seksyen 8 untuk memberi maklumat berkenaan dengan kelahiran, gagal memberikan maklumat tersebut dan maklumat tersebut tidak diberi;
- (d) sebagai ibu bapa kepada orang disah taraf seperti yang ditakrifkan di dalam Akta Kesahtarafan 1961, gagal mematuhi mana-mana kehendak Pendaftar Besar yang dibuat di bawah atau dengan kuasa seksyen 17 Akta ini;

- (e) sebagai seorang yang kepadanya tugas untuk memberi maklumat berkenaan dengan sesuatu kematian adalah dikenakan ke atasnya oleh seksyen 19 Akta ini, gagal memberi maklumat itu dan maklumat itu tidak diberi; atau
- (f) sebagai seorang yang dipanggil oleh Pendaftar Besar atau Penguasa Pendaftar untuk hadir di hadapannya menurut subseksyen 37B (2) gagal tanpa alasan yang munasabah untuk berbuat demikian;

boleh didenda sebanyak dua ratus lima puluh ringgit bagi tiap-tiap kesalahan.

Penalti bagi maklumat palsu, catatan palsu, atau kerosakan catatan

36. Mana-mana orang yang—

- (a) dengan sengaja membuat atau membenarkan untuk dibuat bagi maksud pendaftar apa-apa pernyataan palsu;
- (b) dengan sengaja atau dengan disedari mengemukakan atau membenarkan untuk dikemukakan apa-apa maklumat palsu, yang menyentuh apa-apa butir yang dikehendaki oleh Akta untuk dimaklumkan;
- (c) membuat atau membenarkan untuk dibuat apa-apa catatan palsu dalam mana-mana daftar, dengan pengetahuan bahawa yang sama adalah palsu;
- (d) dengan sengaja merosakkan atau membenarkan untuk dirosakkan apa-apa catatan dalam mana-mana daftar;
- (e) dengan sengaja mengeluarkan mana-mana Perakuan Kelahiran atau Perakuan Kematian yang mengandungi butir-butir palsu;
- (f) tanpa kuasa yang sah membuat apa-apa tanda di atas catatan atau dengan mencatat, memadam, membatalkan,

mengusik atau mengubah apa-apa catatan yang terkandung dalam mana-mana daftar;

- (g) dengan disedari dan dengan sengaja mendaftar atau menyebabkan pendaftaran sesuatu kematian atau kelahiran berkenaan dengan seseorang dibuat lebih daripada sekali;
- (h) menggunakan Perakuan Kelahiran atau Perakuan Kematian dengan menyedari atau mempercayai bahawa ia mengandungi apa-apa butir palsu;
- (i) dengan disedari memiliki atau menggunakan Perakuan Kelahiran atau Perakuan Kematian dengan mendakwa bahawa yang sama adalah kepunyaannya atau kepunyaan seseorang lain selain pemunya sebenarnya;
- (j) memalsukan Perakuan Kelahiran atau Perakuan Kematian;
- (k) menyerahkan mana-mana Perakuan Kelahiran atau Perakuan Kematian kepada mana-mana orang dengan menyedari atau mempercayai bahawa ianya akan digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang;
- (l) tanpa kuasa yang sah atau alasan yang munasabah dengan sengaja menahan mana-mana Perakuan Kelahiran atau Perakuan Kematian daripada pemunya sebenarnya; atau
- (m) membantu atau bersubahat melakukan mana-mana kesalahan terhadap Akta ini;

boleh didenda sebanyak dua ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh dua belas bulan atau kedua-duanya.

Pekhidmat awam

36A. Semua pegawai yang dilantik di bawah Akta ini hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam dalam erti Kanun Keseksaan [Akta 574].

Kuasa bagi pendakwaan

37. Tiada pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali dengan kuasa Pendakwa Raya.

Pendakwaan

37A. Penguasa Pendaftar dan mana-mana pegawai lain diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh Pendaftar Besar, boleh menjalankan pendakwaan berkenaan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

Kuasa untuk mengadakan siasatan

37B. (1) Pendaftar Besar, Penguasa Pendaftar atau mana-mana pegawai lain diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh Pendaftar Besar, bagi maksud untuk memuaskan hatinya mengenai apa-apa butir yang dikehendaki bagi maksud membuat keputusan di bawah seksyen 12, 15, 21, 27, subseksyen 32(3) dan (4) boleh mengadakan suatu siasatan.

(2) Pendaftar Besar, Penguasa Pendaftar atau pegawai diberi kuasa itu boleh hanya bagi maksud untuk melaksanakan peruntukan subseksyen (1) –

(a) memanggil mana-mana orang supaya hadir di hadapannya untuk menjawab apa-apa soalan atas sumpah atau sebaliknya yang dianggap olehnya munasabah untuk disoal bagi maksud tersebut;

(b) untuk mengambil apa-apa ikrar atauakuan berkanun dan memeriksa mana-mana orang atas ikrar.

(3) Penguasa Pendaftar boleh mengimpaun mana-mana dokumen yang dikemukakan di hadapannya atau dengan apa cara sekalipun diterima olehnya, jika dia mempunyai sebab untuk meragui ketulusan atau kebenaran atau kesahan pengeluarannya.

Kuasa untuk kompaun kesalahan

38. Pendaftar Besar boleh dengan budi bicaranya mengkompaun mana-mana kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 35 dengan menerima daripada orang yang disyaki secara munasabah telah melakukan kesalahan itu sejumlah wang tidak melebihi lima puluh ringgit.

Kaedah-kaedah

39. Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, Menteri boleh membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan semua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) bentuk dan kandungan daftar, Perakuan Kelahiran, Perakuan Kematian, borang, perakuan, notis dan dokumen lain yang dikehendaki dan maklumat yang perlu dibekalkan bagi melaksanakan maksud Akta ini;
- (b) fi yang dikenakan di bawah Akta ini;
- (c) penjagaan daftar, borang, perakuan, notis dan dokumen lain yang berkaitan dengan urusan pendaftaran;
- (d) cara membuat carian dan pengeluaran Perakuan Kelahiran atau Perakuan Kematian;
- (e) penyediaan dan penjagaan indeks mengenai perkara yang terkandung dalam daftar;
- (f) cara melakukan pembetulan atau perubahan kepada daftar;
- (g) penyata yang hendak diserahkan oleh nakhoda kapal atau kapten pesawat udara yang didaftarkan di Malaysia berkenaan dengan kelahiran dan kematian di atas kapal atau pesawat udara mereka; dan
- (h) apa-apa perkara lain yang adalah suai manfaat untuk membuat kaedah-kaedah bagi melaksanakan tujuan Akta ini.

Menghantar dokumen melalui pos

40. Apa-apa notis, penetapan, perakuan, rekuisisi, penyata atau dokumen lain yang dikehendaki oleh atau di bawah Akta ini boleh dihantar melalui pos.

Kecualian, dsb.

41. (1) Apa-apa perakuan yang dikeluarkan atau apa-apa notis atau maklumat yang diberi atau apa-apa perintah, peraturan atau penyata yang dibuat atau apa-apa pendaftaran yang dibuat atau perkara lain yang dilakukan di bawah atau mengikut mana-mana undang-undang bertulis yang terdahulu berkenaan dengan pendaftaran kelahiran dan kematian hendaklah, jika berkuat kuasa pada masa mula berkuat kuasanya Akta ini, terus berkuat kuasa, dan hendaklah berkuat kuasa seolah-olah ia telah dikeluarkan, diberi, diberi kesan atau dilakukan di bawah peruntukan bersamaan Akta ini.

(2) Mana-mana borang yang digunakan, dan apa-apa kehendak mengenai butir-butir yang dicatatkan dalam mana-mana borang yang digunakan, bagi maksud mana-mana undang-undang bertulis yang dimansuhkan oleh Akta ini yang berkuat kuasa sebelum sahaja berkuat kuasanya Akta ini hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah ia telah ditetapkan di bawah Akta ini sehingga borang atau butir-butir lain telah ditetapkan.

(3) Jika suatu tempoh masa yang ditentukan dalam mana-mana Enakmen atau Ordinan yang dimansuhkan oleh Akta ini adalah suatu masa yang sama dengan mula berkuat kuasanya Akta ini, maka Akta ini hendaklah berkuat kuasa seolah-olah peruntukan bersamaan telah berkuat kuasa apabila tempoh itu mula berjalan.

(4) Apa-apa dokumen yang merujuk kepada peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang dimansuhkan oleh Akta ini hendaklah, kecuali timbul niat yang berlainan, ditafsirkan sebagai merujuk kepada peruntukan bersamaan Akta ini.

(5) Satu salinan mana-mana catatan yang dibuat dalam daftar sebelum berkuat kuasanya Akta ini yang sepatutnya jika dibuat

selepas mula penguatkuasaan tersebut telah dicatatkan sebagai pendaftaran lewat menurut seksyen 12 atau 21 hendaklah –

(a) jika kebenaran fakta yang dimasukkan ke dalamnya telah didapati dengan cara yang ditetapkan oleh mana-mana peruntukan undang-undang bertulis di mana catatan tersebut telah dibuat atau, jika tidak didapati sedemikian, telah dibuktikan dengan memuaskan hati Pendaftar Besar; dan

(b) jika diperakui di bawah tandatangan Pendaftar Besar,

adalah boleh diterima dalam keterangan dengan cara yang ditetapkan oleh seksyen 33.

(6) Tiada apa pun dalam peruntukan terdahulu seksyen ini boleh diambil sebagai menjejaskan pelaksanaan seksyen 30 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 (yang berkaitan dengan kuat kuasa pemansuhan itu).

Pemansuhan

42. Enakmen dan Ordinan yang disenaraikan dalam Jadual Akta ini adalah dimansuhkan setakat yang ditetapkan dalam ruang ketiga Jadual tersebut.

JADUAL
(Seksyen 42)
PEMANSUHAN

(1)	(2) Tajuk ringkas	(3) Takat pemansuhan
N.M.B. Bab 190	Enakmen Pendaftaran Kelahiran dan Kematian	Keseluruhannya
N.S Ordinan No.34 tahun 1937	Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan kematian, 1937 dan 1938	Keseluruhannya
Enakmen Johor No. 8	Enakmen Pendaftaran Kelahiran dan Kematian	Keseluruhannya
Enakmen Johor No. 2 tahun 1938	Enakmen Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1938	Keseluruhannya
Enakmen Kelantan No. 6 tahun 1930	Enakmen Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1930	Keseluruhannya
Enakmen Kedah No. 95	Enakmen No. 95 (Enakmen Pendaftaran Kelahiran dan kematian)	Keseluruhannya
Enakmen Terengganu No. 4 tahun 1344	Enakmen Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1344	Keseluruhannya
Enakmen Perlis No. 4 tahun 1352	Enakmen Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1352	Keseluruhannya
N.M.B. Bab 69	Enakmen Kesahtarafan	Perenggan 3(v) dan Jadual kepada Enakmen
N.S Bab 85	Ordinan Kesahtarafan	Subseksyen 3(5) dan Jadual kepada Ordinan
Enakmen Johor No. 19 tahun 1936	Enakmen Kesahtarafan 1936	Perenggan 3(v) dan Jadual kepada Ordinan

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 299****AKTA PENDAFTARAN KELAHIRAN
DAN KEMATIAN 1957****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Ord. 6/1958	Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 1958	01-08-1958
Akta 60	Akta Kesahatarafan 1961	23-03-1961 01-01-1971
L.N. 348/1965	Perintah Pengubahsuain Undang-Undang (Kelahiran dan Kematian) (Negeri-Negeri Borneo) 1965	23-09-1965
Akta 50	Akta Perubatan 1971	01-10-1971
Akta A296	Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 1975	30-05-1975
Akta 160	Akta Mata Wang Malaysia 1975	29-08-1975

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 299****AKTA PENDAFTARAN KELAHIRAN
DAN KEMATIAN 1957****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A296	30-05-1975
3	Akta A296	30-05-1975
4	Akta A296	30-05-1975
4A	Akta A296	30-05-1975
13A	Akta A296	30-05-1975
15	Akta A296	30-05-1975
27	Akta A296	30-05-1975
29	Ord. 6/1958	01-08-1958
32	Akta A296	30-05-1975
33	Akta A296	30-05-1975
36	Akta A296	30-05-1975
37A	Akta A296	30-05-1975
37B	Akta A296	30-05-1975
39	Akta A296	30-05-1975
